

Polis guna SOP betul kawal Bersih 3.0

Utusan Online

12 Jun, 2012

KUALA LUMPUR 11 Jun - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggunakan prosedur operasi standard (SOP) yang betul semasa mengawal demonstrasi Bersih 3.0 bagi mengelak sebarang kejadian keganasan yang boleh mengancam keselamatan awam.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussien (**gambar**) berkata, selain menggunakan SOP yang ditetapkan, polis terpaksa bertindak dengan cepat bagi memastikan keadaan terkawal.

"Kementerian memandang serius sebarang pelanggaran SOP yang telah ditetapkan dan dua anggota polis telah didakwa di mahkamah kerana melanggar prosedur itu.

"Perkara itu akan turut disiasat dengan lebih teliti melalui penubuhan Jawatankuasa Panel Penasihat Bebas yang dipimpin oleh Tun Mohammed Haniff Omar," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) yang ingin tahu berapa ramai pegawai polis yang dikenal pasti melanggar undang-undang pada hari perhimpunan haram Bersih 3.0 pada 28 April lalu.

Hishammuddin menambah, pihaknya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap anggota yang terbukti bersalah.

Selain itu katanya, sebanyak 967 butir gas pemedih mata telah digunakan termasuk 909 butir dari jenis 'shell tear smoke' dan 58 butir lagi dari jenis 'grenade tear smoke'.

"Kerajaan telah menanggung kos keseluruhan sebanyak RM1.8 juta akibat daripada penganjuran perhimpunan haram tersebut," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0612&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm